

**MAJLIS PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA AXIATA
(AXIATA YOUNG TALENT PROGRAM)
13/01/2012**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat tengahari dan Salam 1Malaysia.

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz,
Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia,

YBhg Tan Sri Dato' Azman bin Hj Mokhtar,
Pengerusi Axiata Group Berhad,

YBhg Datuk Azzat Kamaludin,
Ahli Lembaga Pengarah, Axiata Group Berhad,

YBhg Dato' Sri Jamaludin Ibrahim,
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata Group Berhad,

Dato'-Dato ', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Pertama sekali, Marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bersama untuk majlis yang penuh bermakna ini. Saya amat berbesar hati berada di sini bersama-sama anda sekalian dan tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur dalam menjayakan majlis pelancaran Program Bakat Muda Axiata (AYTP) ini.

2. Sektor pendidikan telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada penggerak utama dalam transformasi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Pelaburan dalam pendidikan mempunyai peningkatan produktiviti jangka panjang yang ketara. Satu kajian Kesatuan Eropah (EU) mendapati bahawa peningkatan tetap satu tahun di peringkat pendidikan purata tenaga buruh membawa kepada peningkatan dalam pertumbuhan produktiviti buruh tahunan sebanyak 0.45 mata peratusan.

3. Sepanjang dekad yang lalu, sektor pendidikan telah mengalami kadar pertumbuhan yang paling cepat dan merupakan salah satu pengganda output tertinggi di negara ini. Pertumbuhan dalam sektor ini akan menjana dan memberi kesan kepada pertumbuhan sektor-sektor lain. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama (NKEA) dalam pendidikan disasarkan untuk meningkatkan jumlah sumbangan Pendapatan Kasar Negara (PKN) kepada RM60.7 bilion menjelang 2020 daripada RM27.1 bilion pada tahun 2009.

4. Walaupun pendidikan adalah tanggungjawab asas kerajaan tetapi saya percaya bahawa kedua-dua sektor awam dan swasta boleh memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi serta sasaran pertumbuhan kerajaan. Pada masa yang sama, pendidikan dalam erti kata yang lebih mendalam harus menggarap nilai-nilai murni, pemikiran kritis, kepimpinan dan komunikasi, disamping pengetahuan teknikal bidang masing-masing. Sahsiah atau kemenjadian murid secara holistik ini akan memberikan impak berganda (multiplier effect) terhadap daya saing ekonomi dan keterangkuman sosial untuk pembangunan negara (nation

building) secara menyeluruh. Dalam hal ini, saya amat mengalu-alukan usaha dan sumbangan Axiata dalam menyokong pembangunan modal insan selaras dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

5. Saya dimaklumkan bahawa objektif AYTP adalah untuk memupuk dan membangunkan bakat-bakat muda melalui program pembangunan yang holistik serta komprehensif, di mana program ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik tetapi juga aktiviti ko-kurikulum. Tujuannya adalah untuk memupuk daya kepimpinan serta keperibadian yang positif. Inilah yang membuatkan biasiswa AYTP Axiata unik kerana ia bukan setakat penajaan kewangan.

6. Bakat-bakat muda ini adalah masa hadapan negara Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk mengiktiraf bakat dan memupuk mereka dari muda untuk mengharungi masa depan yang semakin mencabar. Program Axiata ini merangkumi pelajar sekolah menengah, Pra Universiti dan university terkemuka dunia dalam menawarkan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi. Di samping menempatkan pelajar di institusi-institusi pengajian yang bereputasi, Axiata mempunyai kurikulum Ax-Faktor yang merupakan satu program tambahan untuk membantu pelajar membangunkan kemahiran dalam lima ciri utama iaitu Sikap, Pemikiran Kritis, Kreativiti, Komunikasi dan Kepimpinan. Ciri-ciri ini adalah penting dalam membangunkan individu yang berpengetahuan luas dengan minda yang terbuka.

7. Kepentingan pendidikan yang holistik tidak dapat dinafikan dan tahniah kepada Axiata kerana mempunyai pandangan jauh dalam membangunkan program seperti ini tidak mengira latarbelakang pelajar-pelajar. Namun keutamaan diberikan kepada golongan keluarga berpendapatan rendah serta dari kawasan pedalaman dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, falsafah, ekonomi, politik dan sebagainya. Mereka telah melalui beberapa pusingan saringan sebelum ditawarkan tempat mengikuti program ini. Saya difahamkan RM100 juta akan dilaburkan oleh pihak Yayasan Axiata ke dalam program ini untuk 10 tahun yang akan datang.

8. Kepada pelajar-pelajar yang terpilih, gunakanlah peluang ini dengan sebaik mungkin untuk mengasah diri agar dapat menjadi insan yang dapat menyumbang kepada kegemilangan Negara di masa hadapan. Saya berharap anda akan terus cemerlang dalam bidang masing-masing dan menjadi kebanggaan Axiata dan negara.

9. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Axiata dalam menjayakan inisiatif ini. Walaupun program ini masih di peringkat awal, saya yakin dengan komitmen dan usaha gigih semua pihak termasuk para ibu bapa dan masyarakat, ia boleh menjadi satu contoh kepada syarikat-syarikat lain untuk turut bersama dalam usaha mengasuh bakal-bakal pemimpin dan nadi penggerak kemajuan negara.

Tuan Pengerusi, izinkan saya meneruskan ucapan didalam Bahasa Inggeris.

Ladies and Gentlemen,

10. I would like to take this opportunity to congratulate Axiata on the launch of the Axiata Young Talent Program (AYTP). It is certainly commendable on AYTP's part to nurture and develop young individuals through a holistic program, which focuses on both academic and character development components. The aim is to provide an opportunity for young talents to enjoy fulfilling lives, have open and enquiring minds and develop their character in

catalyzing Malaysia's development to the forefront of a rapidly changing world. This is critical in supporting Malaysia's ambition in attaining a high-income economy.

11. I believe such public-private partnerships such as this would result in greater synergy in helping to nurture the necessary competency and skill sets, which then enables greater productivity and elasticity in response to the economic, social, technological and cultural demands of multi-racial Malaysia. Over the past decade, the education sector has and will continue to be one of the fastest growing and output multipliers of the country. Axiata's contribution through this program will help propel Malaysia's human capital needs through the various Government and Economic Transformation Programs in store. I was made to understand that RM100mn has been set aside for the next 10 years by Axiata Foundation and the Government certainly lauds this undertaking.

12. To the students, I believe that you are among the brightest among your peers and indeed privileged to be selected onto this program. Congratulations! I do hope you will take this opportunity to develop and make full use of this program and in return, contribute to the nation as future leaders, shakers and movers of this nation. I am confident you will continue to excel in your chosen areas and be the pride of Axiata and the nation. I wish you all the very best of luck.

Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim sukacitanya merasmikan Program Bakat Muda Axiata.

Sekian. Terima kasih.

“Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh”.